

UMS Link akan tarik lebih ramai pelajar a-bangsa

NST 19.10.2012 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui sayap perniagaannya UMS Link Holding Sdn.Bhd akan menerokai kemungkinan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa khususnya dari rantau Timur Tengah untuk menuntut di universiti itu.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof Dr Shariff Abd.Kadir S.Omang berkata, ini adalah antara program pengembangan UMS untuk meningkatkan bilangan pelajar asing.

Beliau berkata, selain itu pihak Pusat Pembangunan Profesional UMS Link (UCPD) juga merancang untuk menjalin kerjasama dengan pihak-pihak yang berpotensi dan memperkenalkan program yang menerima permintaan tinggi mengikut keperluan industri.

"Kemungkinan kita akan menerokai dan meninjau peluang di kawasan Timur Tengah selain di rantau Asia termasuk Kemboja, Laos, Vietnam dan Myanmar."

"Dalam masa terdekat, satu rombongan dari UMS akan pergi ke Taiwan untuk meninjau peluang di negara itu. Ketika ini kebanyakannya pelajar antarabangsa yang menuntut di UMS adalah dari China dan selebihnya dari Korea dan Turki," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian sijil Program Asas Pelajar Antarabangsa dan Diploma Eksekutif

UCPD, di Promenade Hotel, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu daripada seramai 189 penerima sijil sebanyak 166 pelajar antarabangsa iaitu tiga graduan dari Korea, seorang dari Turki dan selebihnya dari China.

Sheriff Abdul Kadir berkata, melalui tinjauan kebanyakannya pelajar China berminat menuntut di UMS kerana keadaan di Sabah aman dan damai.

"Ibu bapa mereka rasa anak-anak mereka selamat belajar di sini kerana keadaannya yang aman, kos pengajian yang murah dan banyak tempat menarik untuk dikunjungi di Sabah," katanya.

Beliau berkata, pelajar antarabangsa akan mengikuti program ISFP selama enam bulan sebelum meneruskan pengajian pelbagai bidang di UMS.

ISFP adalah program persediaan bagi kemasukan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Kursus ini terdiri daripada 10 modul teras yang mewajibkan pelajar lulus dalam semua modul.

Modul-modul itu ialah Grammar Skills, Reading Skills, Writing Skills, Listening Skills, Speaking Skills, Research Writing in English, Public Speaking in English, Malay as a Foreign Language (Level 1 & II), Malaysian Studies: Culture & History dan Malaysian Studies: Civilization. - **OLEH MAR- RYAN RAZAN**